

Bab 3 Dokumen Perniagaan Sebagai Sumber Maklumat

1. Dokumen perniagaan ialah bukti bertulis bahawa sesuatu urusan niaga telah berlaku.
2. Ia perlu disimpan secara sistematik dan merupakan sebagai sumber rujukan dalam penyediaan Penyata Kewangan perniagaan. Ia digunakan bagi mentaksir cukai pendapatan peniaga.

Dokumen Sumber -> Maklumatnya perlu dicatatkan dalam buku perakaunan.

Bil	Dokumen	Situasi digunakan	Rekod di
1	Bil Tunai	Belian/ Jualan barang niaga secara tunai/ bank.	BT
2	Resit	Pembekal keluar kepada pembeli selepas pembeli menjelaskan bayaran.	BT
3	Keratan Cek	Bahagian cek mengandungi maklumat pembayaran disimpan oleh pembayar.	BT
4	Baucar Pembayaran	Urus niaga belanja yang tiada dokumen bersesuaian. Dokumen dalaman, hanya ada 1 salinan, perlu ditandatangani oleh penerima.	BT
5	Slip Daftar Tunai	Sebagai bukti jualan tunai, dikeluarkan oleh mesin daftar tunai.	BT
6	Slip Bank	Memasukkan tunai di tangan ke dalam bank.	BT
7	Slip Pindahan Wang	Memindahkan wang ke pihak yang berada dalam negara atau luar negara.	BT
8	Urus niaga atas Talian	Memudahkan pelanggan bank membuat urusan niaga tanpa pergi ke bank.	BT
9	Slip Transaksi Perbankan Elektronik	Dikeluarkan oleh mesin elektronik yang berada dalam bank, seperti ATM, CDM dan lain-lain.	BT
10	Makluman Debit	Bank keluar untuk memaklumkan peniaga bahawa akaun banknya telah didebitkan (berkurang).	BT
11	Makluman Kredit	Bank keluar untuk memaklumkan peniaga bahawa akaun banknya telah dikreditkan (bertambah).	BT
12	Memo	a) Dikeluarkan oleh pemilik untuk urusan niaga yang tidak mempunyai dokumen sokongan, seperti urusan niaga pengambilan, hutang lapuk, modal tambahan. b) Hanya ada 1 salinan sahaja dan ditandatangani oleh pemilik.	JA, BT
13	Invois	a) Belian/ Jualan barang niaga secara kredit. b) Tujuan: memberitahu pelanggan tentang amaun yang perlu dibayar. c) Asal disimpan oleh pembeli, salinan disimpan oleh pembekal. d) K.&K. di K -> Kesilapan dan ketinggalan dikecualikan. Pembekal berhak membuat pembetulan atas invois jika ada kesilapan. e) 'Syarat Angkutan Dibayar' bermaksud kos pengangkutan barangan akan ditanggung oleh pembekal.	JA, JK
14	Nota Debit	a) Belian kredit pembeli telah terkurang nilai dan perlu ditambahkan . b) Sebagai invois tambahan. c) Asal disimpan oleh pembeli, salinan disimpan oleh pembekal.	JK
15	Nota Kredit	a) Belian kredit pembeli telah melebihi nilai dan perlu dikurangkan . b) Asal disimpan oleh pembeli, salinan disimpan oleh pembekal.	JK
16	Bil Bayaran (Kadar Bayaran)	Dikeluarkan oleh pembekal perkhidmatan seperti Tenaga Nasional Berhad.	BT
17	Folio Pelanggan	a) Menunjukkan semua caj perkhidmatan yang dikenakan dan jumlah perlu dibayar oleh pelanggan. Disediakan oleh sektor perkhidmatan seperti pos, perhotelan, hospital dan firma guaman. b) Berfungsi sebagai resit, asal disimpan pembayar, salinan disimpan pembekal.	BT

Dokumen Bukan Sumber -> Sebagai rujukan sahaja.

Penyata Akaun	Penyata Bank
~ Dikeluarkan oleh pembekal sebagai peringatan kepada pembeli tentang baki hutangnya. ~ Merupakan ringkasan urus niaga yang telah berlaku antara pembekal dan pembeli. ~ Pembeli boleh guna untuk menyemak sama ada rekod pembekal betul atau tidak.	~ Dikeluarkan oleh pihak bank kepada pemilik akaun. ~ Menyenaraikan semua urus niaga yang dibuat melalui bank. ~ Peniaga boleh guna sebagai rujukan dan semakan tentang ketepatan rekod pihak bank (banding BT) ~ Jika ada perbezaan, Penyata Penyesuaian Bank perlu disediakan (Form 5->Bab 3)

Diskaun Niaga & Diskaun Tunai

Niaga	Tunai
1) Menggalakkan pembeli secara pukal (banyak). 2) Potongan harga daripada senarai harga. 3) Tidak perlu dicatat dalam mana-mana buku.	1) Menggalakkan pembeli bayar segera. 2) Potongan harga daripada jumlah hutang atau harga bersih dalam invoice. 3) Kadar diskaun berdasarkan tempoh yang dinyatakan dalam invoice. 4) Semakin cepat bayar, kadar diskaun semakin tinggi.

Salinan No.: A239

INVOIS
Kedai Mesin Ayaya
 86 Jalan Kuching,
 52100 KL.
 Tel: 03-87871234

Tarikh: 9 Julai 20X9

Kepada:
 Pooi Sdn Bhd
 298, Jalan 4A,
 46400 PJ, Sel.

Bil	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Mesin M2	10	1 800	18 000
Tolak: Diskaun niaga 5%				-
Jumlah				18 000

Ringgit: Lapan belas ribu sahaja
 Syarat: 5% 10 hari, 2% 20 hari
 Serahan: Angkutan dibayar
 K. & K. di K.

Lim
Ayaya

(Penerima)
(Pengurus)